

**Muhyiddin Mahu Krisis Dalam Parti-Parti BN Diselesaikan Segera**  
**Bernama**  
**1 Okt, 2013**

KOTA KINABALU, 1 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu masalah dalaman parti di Sabah, Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan MCA diselesaikan dengan baik secepat mungkin demi kepentingan memelihara keharmonian dalam gabungan Barisan Nasional (BN).

Sambil melahirkan kebimbangannya terhadap krisis kepimpinan dalam parti-parti berkenaan, timbalan pengerusi BN itu berkata beliau telah mengarahkan Setiausaha Agung BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor supaya berbincang dengan parti-parti itu sama ada wujud kemungkinan untuk berdamai atau menyelesaikan masalah dan mencapai persefahaman untuk mengatasinya.

"Kita amat bimbang apa yang berlaku dalam LDP dan beberapa parti kaum Cina, SUPP di Sarawak dan MCA di Semenanjung.

"Sedikit sebanyak kesemua parti ini sedang menghadapi masalah dalaman yang amat serius termasuk LDP di Sabah. Saya diberitahu mengenai masalah dalaman serius yang mereka hadapi, terutama AGM (mesyuarat agung tahunan) mereka," katanya kepada pemberita selepas melakukan pecah tanah bagi projek Program Perumahan Rakyat di Kepayan Ridge, dekat sini Selasa.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Datuk Hajiji Mohd Noor.

Muhyiddin berkata bukan menjadi dasar BN untuk campur tangan dalam masalah parti-parti komponen, bagaimanapun ada juga parti sebelum ini meminta para pemimpin kebangsaan menjadi pengantara.

"Dalam hal ini, mereka harus boleh mencapai sedikit persefahaman untuk menyelesaikan masalah mereka kerana akhirnya, perkara ini bukan hanya menjejaskan parti masing-masing tetapi juga meletakkan BN turut berdepan dengan risiko," katanya.

"Ini kerana bila anda menghadapi krisis dengan kurangnya persefahaman dan kerjasama, imej parti di mata rakyat juga menjadi tidak baik, dan dalam jangka panjang ia tidak memberi apa-apa manfaat kepada BN," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981965>